

## SOALAN LAZIM (FAQ)

### PEMBERIAN MORATORIUM BAYARAN BALIK PINJAMAN PELAJARAN PERSEKUTUAN DAN TUNTUTAN GANTI RUGI

#### JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

- 1. Apakah inisiatif JPA kepada peminjam/penama yang menghadapi kesukaran membayar balik pinjaman atau tuntutan ganti rugi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?**

*Inisiatif yang disediakan oleh JPA adalah kemudahan moratorium bayaran balik selama enam (6) bulan kepada peminjam/penama yang layak.*

- 2. Adakah moratorium bayaran balik tersebut diberikan secara automatik?**

*Tidak. Peminjam/penama yang layak perlu membuat permohonan dengan mengisi maklumat yang diperlukan di dalam borang secara dalam talian di Portal Rasmi JPA. [Klik di sini untuk permohonan.](#)*

- 3. Adakah terdapat sebarang kriteria khusus yang ditetapkan JPA bagi kemudahan moratorium ini?**

*Permohonan terbuka kepada semua peminjam yang menerima pembiayaan di bawah Pinjaman Pelajaran Persekutuan serta penama yang dikenakan tuntutan ganti rugi yang terjejas sumber pendapatan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan akibat penularan wabak Covid-19. Namun begitu, kelulusan adalah tertakluk kepada dasar bayaran balik yang mana perlu diselesaikan sebelum peminjam/penama berumur 60 tahun.*

- 4. Siapakah yang layak memohon moratorium tersebut?**

*Peminjam yang memenuhi kriteria berikut layak memohon:*

- (i) Peminjam yang kehilangan pendapatan iaitu diberhentikan pekerjaan dalam tempoh PKP; dan*
- (ii) Peminjam yang terjejas pendapatan iaitu pendapatan berkurang dalam tempoh PKP.*

**5. Berapakah tempoh moratorium bayaran balik ini akan diberikan?**

*Tempoh moratorium adalah selama 6 bulan bermula pada 1 Ogos 2021 hingga 31 Januari 2022.*

**6. Bilakah permohonan moratorium bayaran balik boleh dilakukan?**

*Permohonan moratorium boleh dilakukan mulai 1 Julai hingga 31 Julai 2021. Peminjam/penama hanya dibenarkan menghantar permohonan sekali sahaja.*

**7. Apakah dokumen yang perlu disediakan oleh peminjam/penama untuk memohon moratorium ini?**

*Tiada sebarang dokumen diperlukan hanya perlu mengisi borang secara dalam talian di Portal Rasmi JPA. [Klik di sini untuk permohonan.](#)*

**8. Bagaimanakah JPA memaklumkan status permohonan kepada peminjam/penama?**

*JPA akan memaklumkan status permohonan melalui surat rasmi dalam tempoh 14 hari bekerja selepas permohonan peminjam diluluskan.*

**9. Adakah ada sebarang caj tambahan/faedah yang dikenakan akibat permohonan moratorium ini?**

*Tiada sebarang caj tambahan/faedah yang dikenakan bagi Pinjaman Pelajaran Persekutuan JPA dan tuntutan ganti rugi. Hal ini turut terpakai bagi moratorium ini.*

**10. Apakah yang perlu dilakukan oleh peminjam sekiranya tidak dipertimbangkan moratorium dan mempunyai kekangan membuat bayaran balik?**

*Peminjam/penama boleh mengemukakan permohonan penjadualan semula (reschedule) kadar bayaran balik ansuran bulanan sama ada secara*

pos atau emel di alamat [kutipan@jpa.gov.my](mailto:kutipan@jpa.gov.my). Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan Jabatan.

**11. Adakah peminjam/penama yang sedang membuat bayaran secara potongan gaji layak memohon moratorium ini?**

*Tidak, kemudahan ini tidak dipanjangkan kepada peminjam/penama yang berkhidmat dalam Kerajaan atau membayar melalui potongan gaji. Namun begitu, peminjam/penama tersebut boleh memohon kemudahan penjadualan semula ansuran kepada kadar yang lebih rendah (reschedule) bagi suatu tempoh yang bersesuaian.*

**12. Apakah tindakan penguatkuasaan yang akan dikenakan sekiranya peminjam/penama tidak menjelaskan bayaran balik?**

*Bagi peminjam/penama yang ingkar dan gagal mematuhi arahan bayaran balik pinjaman pelajaran / tuntutan ganti rugi, kes penama akan dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan penguatkuasaan undang-undang.*